

18 OCT 1999

Lim-Gabungan

GABUNGAN CINA BERI KOMITMEN SOKONG KERAJAAN BN

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Gabungan Pertubuhan-pertubuhan Cina Semalaysia menyatakan sokongan mereka yang tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Komitmen itu diberikan dalam pertemuan antara Parti Gerakan dan gabungan itu di ibu pejabat Gerakan di sini malam tadi.

Dalam pertemuan itu, Gerakan diketuai oleh Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik manakala gabungan itu diketuai oleh Datuk Chong Chin Shoong.

"Mereka menyatakan untuk memberi kerjasama dan sokongan kepada BN yang dipimpin Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN," kata Lim.

Lim juga memberitahu mengenai permintaan gabungan itu untuk mengambil bahagian dalam Mapen II, dan Gerakan akan mengemukakan permintaan gabungan itu kepada kerajaan.

"Berkait dengan rayuan 17 perkara persatuan-persatuan Cina yang telah disalahtafsirkan oleh beberapa pemimpin Melayu baru-baru ini, Gabungan Cina ingin menegaskan bahwa bukan sikapnya untuk terbabit dalam politik, cuma apa yang mereka mahukan ialah kestabilan politik," katanya.

Pertemuan selama tiga jam itu juga menyaksikan penyerahan memorandum oleh Gabungan itu yang menyentuh empat perkara iaitu sosial, kebudayaan, pelajaran dan masalah tanah untuk dipertimbangkan oleh kerajaan.

-- BERNAMA

JAY RI